



SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 38 (a) DALAM PERKHIDMATAN AWAM

**Hanya dibukakan bagi pemohon daripada kalangan Pegawai dan Kakitangan
yang sedang berkhidmat di Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam sahaja.**

**PENGARAH (*SUPERSCALE C*)
BAHAGIAN TENAGA MANUSIA SEKTOR TENAGA
JABATAN TENAGA
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Surat Pemberitahuan ini hendaklah dibawa kepada pengetahuan serta
perhatian semua Pegawai-Pegawai yang layak untuk memohon**

Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon adalah dipelawa daripada Pegawai dan Kakitangan yang sedang berkhidmat di Kementerian atau Jabatan-Jabatan Kerajaan sahaja.
- (C) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (D) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja di Negara Brunei Darussalam.



PENGARAH

BAHAGIAN TENAGA MANUSIA SEKTOR TENAGA

JABATAN TENAGA

JABATAN PERDANA MENTERI

SUPERSCALE C (\$6,800 SEBULAN EB KHAS \$7,010 SEBULAN)

KEKOSONGAN = SATU (01)

KELAYAKAN MINIMUM:

1. Ijazah Sarjana Muda atau sebanding dalam bidang *Economics / International Relations / Kejuruteraan / Law / Pengurusan dan Pentadbiran / Political Science* atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi adalah kelebihan.

- i) Telah berkhidmat di Jabatan Tenaga dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji Kumpulan 1 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau dalam tangga gaji Kumpulan 2 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun atau dalam tangga gaji Kumpulan 3 atau sebanding tidak kurang dari 9 tahun.

ATAU

- ii) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji Kumpulan 1 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun atau dalam tangga gaji Kumpulan 2 atau sebanding tidak kurang dari 7 tahun atau dalam tangga gaji Kumpulan 3 atau sebanding tidak kurang dari 10 tahun.

2. Lulus / dipersyarikatkan untuk lulus dalam kursus "Program Pembangunan Eksekutif" di institusi-institusi tempatan ataupun luar negara atau kursus sebanding yang diiktiraf oleh Kerajaan.
3. Mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh 3 tahun kebelakangan.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Mengetuai, mengurus dan mentadbir unit-unit di bawah Bahagian Tenaga Manusia Sektor Tenaga:
 - i. Perancangan, Peramalan, Strategi dan Analisis Data (*Planning, Forecasting, Strategy and Data Analytics*);
 - ii. Bekalan Tempatan (*Localisation Supply*);
 - iii. Pematuhan dan Pelaksanaan (*Compliance and Implementation*);



2. Merangka dan melaksana Perancangan Sumber Tenaga Sektor Tenaga bagi tempoh 5 tahun;
3. Memastikan pematuhan dan pelaksanaan ke arah *Bruneianisation* bagi syarikat pengendali utama minyak dan gas negara termasuklah pematuhan kepada laporan suku tahun dan mana-mana indikator utama dan sasaran yang telah ditetapkan;
4. Memastikan pelaksanaan rancangan penggantian yang teratur bagi tenaga kerja tempatan di dalam industri minyak dan gas negara;
5. Memantau pelaksanaan pembekalan tenaga manusia tempatan adalah memenuhi piawaian, persetujuan dan dasar-dasar (*order, regulations, garispandu* dan *directives*) yang diguna pakai pada masa ini; dan
6. Mengadakan *stakeholders engagement* secara konsisten bagi memastikan pensejajaran tuju arah, matlamat dan *Key Peformance Indicators (KPI)*.